

Headline	Bawa impian arwah suami ke Makkah		
MediaTitle	Berita Harian		
Date	01 Oct 2011	Color	Full Color
Section	Nasional	Circulation	192,982
Page No	22	Readership	1,521,000
Language	Malay	ArticleSize	348 cm ²
Journalist	N/A	AdValue	RM 15,331
Frequency	Daily	PR Value	RM 45,993



Bawa impian arwah suami ke Makkah

Warga tua guna wang simpanan hasil berniaga kain

Oleh Nadia Hamid
nnadia@bharian.com.my

KELANA JAYA: Seorang warga emas berusia 70 tahun yang berangkat ke Tanah Suci bagi mengerjakan ibadat haji awal pagi tadi, turut membawa impian Allahyarham suami yang berhajat mengerjakan rukun Islam kelima itu bersama-sama sebelum menemui ajal, kira-kira tiga tahun lalu.

Suwayah Wahab, berkata beliau terkilang Allahyarham yang meninggal dunia akibat demam teruk, tidak bersama menemaninya menunaikan ibadat haji.

"Ketika diberitahu mak cik boleh tunaikan haji kali ini, mak cik gembira sangat hingga mengalirkan air mata. Mak cik juga terkenang impian arwah suami yang berkobar-kobar mahu tunai haji bersama, tetapi di-

panggil menghadap-Nya dulu.

"Sebenarnya, rancangan menunaikan haji dibuat sejak 2007, namun mak cik terpaksa merayu setiap tahun," katanya ketika ditemui di pekarangan Kompleks Tabung Haji Kelana Jaya di sini, malam tadi.

Suwayah bersama 450 jemaah lain berlepas ke Tanah Suci melalui penerbangan kelima, kira-kira jam 1.30 pagi semalam.

Suwayah dari Taiping, Perak, berkata, beliau ditemani adik perempuannya sepanjang mengerjakan ibadat.

"Walaupun sakit lutut, saya gunakan tongkat supaya lebih cepat dan cergas untuk beribadat," katanya yang menggunakan wang simpanan hasil berniaga kain dan runcit kecil-kecilan untuk berangkat ke Tanah Suci.

Bagi Che Anuar Che Mat, 47 dari Jerantut, Pahang, beliau dan lebih 20 ahli keluarga berkumpul di kompleks itu di sini, sambil membawa bekalan makanan sejak jam 12 tengah hari semalam bagi

mengucapkan selamat jalan kepada kakaknya, Che Gayah Che Mat ke Tanah Suci.


Sementara itu, Timbalan Pengarah Negeri Lembaga Tabung Haji, Mohd Rafidi Ibrahim, berkata penerbangan keempat bagi musim haji kali ini berlepas dari Stesen Haji Kuala Terengganu, pagi semalam.

"Cuaca di Madinah panas dan kering sekarang. Keadaan adalah terkawal," katanya.

Sementara itu, perkaraangan kompleks sesak sejak jam 3 petang semalam dengan kehadiran lebih 1,000 ahli keluarga jemaah.

““
Mak cik juga terkenang impian arwah suami berkobar-kobar mahu tunai haji bersama, tetapi menghadap-Nya dulu
””

Suwayah Wahab
Jemaah haji



JEMAAH berteduh di khemah ketika menunggu untuk mendaftar di pekarangan Kompleks Tabung Haji Kelana Jaya.

● MOHD AMIRUL NUBLI WAN AHMAD | BERITA HARIAN